

Bil. S 68

PERINTAH PERLINDUNGAN DEPOSIT, 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DEPOSIT (PINDAAN), 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan peraturan 2 dari S 111/2010.
 3. Pindaan peraturan 3.
 4. Pindaan peraturan 4.
 5. Penggantian peraturan 5.
 6. Pindaan Jadual.
 7. Pindaan Peraturan-Peraturan utama.
-

PERINTAH PERLINDUNGAN DEPOSIT, 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DEPOSIT (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 86 dari Perintah Perlindungan Deposit, 2010, maka Menteri Kewangan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perlindungan Deposit (Pindaan), 2012 dan hendaklah dianggap mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan September, 2012.

Pindaan peraturan 2 dari S 111/2010.

2. Peraturan-Peraturan Perlindungan Deposit, 2010, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan “kemudahan kewangan” —

“ “bank asing” bermakna sebuah bank penuh yang diperbadankan di suatu bidang kuasa selain dari Negara Brunei Darussalam dan mempunyai cawangan operasi atau pejabat yang terletak di dalam Negara Brunei Darussalam;”.

Pindaan peraturan 3.

3. Peraturan 3 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan peraturan kecil (2) dan menggantikannya dengan peraturan kecil baru yang berikut —

“(2) Bagi maksud-maksud peraturan kecil (1) —

(a) sesebuah bank berlesen yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam hendaklah pada setiap masa menyelenggarakan nisbah penyelenggaraan aset tidak kurang dari 2; dan

(b) sesebuah bank berlesen yang terdiri dari cawangan sebuah bank asing yang terletak di dalam Negara Brunei Darussalam hendaklah pada setiap masa menyelenggarakan nisbah penyelenggaraan aset tidak kurang dari 2.5.”.

Pindaan peraturan 4.

4. Peraturan 4 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam peraturan kecil (1), dengan memotong “regulation 3(2) and subject to sub-regulation (2)” dan menggantikannya dengan “these Regulations”.

Penggantian peraturan 5.

5. Peraturan 5 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan peraturan baru yang berikut —

“Penentuan kadar premium.

5. (1) Bagi maksud-maksud menentukan kadar premium yang dikenakan kepada institusi ahli bagi mana-mana tahun premium, semua institusi ahli hendaklah diklasifikasikan ke dalam kategori-kategori yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Kedua.

(2) Kadar premium yang dikenakan kepada setiap kategori institusi ahli adalah dinyatakan dalam ruang kedua Jadual Kedua.

(3) Bagi maksud-maksud menentukan kategori yang di dalamnya cawangan sebuah bank asing akan diklasifikasikan, Perbadanan hendaklah mengira nisbah penyelenggaraan aset cawangan itu menurut formula yang dinyatakan dalam peraturan 4.

(4) Suatu institusi ahli yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam hendaklah diklasifikasikan dalam kategori sama seperti cawangan sebuah bank asing dengan nisbah penyelenggaraan aset lebih dari 2.5 tetapi kurang dari 4.”.

Pindaan Jadual.

6. Jadual kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan “FIRST” sejurus sebelum “SCHEDULE”.

Pindaan Peraturan-Peraturan utama.

7. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan menambah Jadual baru yang berikut —

“JADUAL KEDUA
(peraturan 5)

KATEGORI INSTITUSI AHLI DAN KADAR PREMIUM

Kategori institusi ahli	Kadar premium
1. Sebuah bank asing dengan nisbah penyelenggaraan aset kurang dari 2.5	0.2%
2. (a) Institusi ahli yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam	0.1%
(b) Sebuah bank asing dengan nisbah penyelenggaraan aset antara 2.5 dan 4	
3. Sebuah bank asing dengan nisbah penyelenggaraan aset lebih dari 4	0.075%”.

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 9 haribulan Oktober, 2012.

HAJI HISHAM BIN HAJI MOHD. HANIFAH
Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan,
Negara Brunei Darussalam.